

PM sokong Rashid sertai Khazanah Holding

KHAZANAH Holding Bhd (Khazanah Holding) tidak menghadapi sebarang konflik berikutan perlington Pengerusi Eksekutif Rashid Hussain Bhd (RHB), Tan Sri Rashid Hussain sebagai pengarah syarikat yang mengambil alih fungsi Menteri Kewangan Diperbadankan (MOP Inc) itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata malah langkah itu membolehkan kerajaan mendapatkan maklumat industri dan kepakarannya untuk kepentingan negara.

Beliau yang juga Pengerusi Khazanah Holding berkata, Rashid adalah seorang yang berpengetahuan luas, oleh itu, negara akan kerugian jika ada pihak yang cemburu menyebabkan Malaysia tidak dapat menggunakan kepakarannya.

"Pada masa yang sama, negara tidak pula boleh meminta anda berhenti bekerja untuk diri sendiri supaya berkhidmat untuk kita (negara), kita tidak berupaya membayar (upah) sebanyak yang dia (Rashid) perolehi sekarang.

"Oleh itu, jika dia seorang pakar, kita seharusnya menggunakan peluang itu. Jangan ada orang yang berhasad dengki dan membenci membawa persoalan ini. Siapapun yang kita pilih melainkan kita sanggup membayar gaji RM100,000 sebulan barulah boleh terpisah sama sekali daripada perniagaannya," katanya ketika diminta mengulas cadangan oleh sesetengah pihak supaya mengkaji semula perlington Rashid itu.

Perdana Menteri berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan kompleks kilang Sapura-Nokia Telecommunications Sdn Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

Pada minggu lalu, Kha-

zahan Holing mengumumkan perlington lima ahli ekonomi tempatan yang terkemuka menganggotai lembaga pengarahnya untuk tempoh dua tahun mulai 15 Julai lalu. Dua daripada mereka adalah wakil kerajaan, manakala tiga lagi termasuk Rashid dari sektor swasta.

Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman dan Gabenor Bank Negara, Ahmad Mohd Don mewakili kerajaan, manakala Pengerusi Eksekutif Price Waterhouse, Raja Arshad Raja Tun Uda serta Pengerusi dan Ketua Eksekutif Pacific Bank Bhd, Tan Sri Dr Lin See Yan dari sektor swasta.

Menurut kenyataan berkenaan, perlington mereka adalah berdasarkan keputusan mesyuarat Khazanah Holding yang telah dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada 3 Jun lalu.

Dr Mahathir berkata, perlington Rashid bukan bertujuan memberi peluang kepadanya menggunakan maklumat kerajaan.

"Memang kita berniat menggunakan kepakaran yang ada padanya untuk kepentingan kerajaan. Tidak perlu dia berada dalam kerajaanpun dia sudah mempunyai banyak duit dan berjaya.

"Dia tidak perlu menunggu untuk mendapatkan maklumat kerajaan kerana dia boleh dianggap berupaya mencari wangnya sendiri," katanya.

Khazanah Holding dalam kenyataan yang sama menjelaskan, pengalaman dan kedudukan barisan lembaga pengarah yang baru dilantik itu akan membolehkan mereka menyumbang secara berkesan kepada kejayaan syarikat itu pada masa depan.